



Ruj. Kami : KKM.S.500-2/58/17 JLD.4 (3)
Tarikh : 7 Ogos 2023

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93050 Kuching
SARAWAK

YBrs. Dr.,

URUSAN PEMANGKUAN BAGI SKIM PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N26 KE GRED N28 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM).

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi **Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N26 ke Gred N28**. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YBrs. Dr. adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan pegawai yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- (a) telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) **telah berkhidmat di Gred N26 sebelum atau pada 31 Disember 2016;**
- (c) **tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat pegawai di Gred N26 berubah ke tarikh 01 Januari 2017 dan seterusnya disebabkan faktor-faktor berikut:**
 - i. semua jenis cuti yang tidak dibayar gaji atau dibayar separuh gaji kecuali Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan;
 - ii. pegawai yang pernah dilantik ke jawatan dalam skim lain tetapi kemudiannya kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya;

- iii. tidak hadir bertugas (THB) tanpa cuti, tanpa kebenaran atau tanpa sebab munasabah; dan
 - iv. terlebih mengambil Cuti Rehat yang berkelayakan.
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
- (e) mencapai tahap prestasi perkhidmatan yang ditetapkan (LNPT 2020, 2021 dan 2022);
- (f) bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib;
- (g) telah mengisyiharkan harta berdasarkan peraturan yang ditetapkan (dalam 5 tahun terkini);
- (h) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (i) bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar oleh institusi pinjaman pendidikan.

3. Calon yang layak memohon hendaklah mengemukakan permohonan dengan menggunakan **Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2023** dan dikemukakan lengkap dengan satu (1) salinan dokumen sebagaimana senarai semak di **Lampiran A**. Unjuran kekosongan jawatan di zon Sarawak pada tarikh iklan dibuka adalah seperti di **Lampiran B**.

4. Calon yang memohon juga hendaklah **bersedia dan sanggup menerima pertukaran sekiranya berjaya ditawarkan pemangkuhan** untuk mengisi kekosongan semasa di negeri yang berkenaan. Berdasarkan **Perkara 36 dalam MyPPSM UP.3.1.1**, Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) boleh mengenakan **penalti** kepada pegawai yang **menolak tawaran pemangkuhan** dengan **tidak menimbangkan pemangkuhan** pegawai tersebut bagi tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh surat penolakan / tarikh melaporkan diri yang ditetapkan **atau** **satu urusan, yang mana terkemudian**.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan pemangkuhan ini adalah pada **4 September 2023 (Isnin)**. Surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan pemangkuhan ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Semua dokumen permohonan bagi urusan pemangkuhan ini hendaklah dihantar ke alamat di bawah:

Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: Cik Melissa Martha Jimmy)

7. Sukacita diingatkan dalam pertimbangan sesuatu urusan pemangkuhan, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBrs. Dr. untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, perkara ini telah mendapat perhatian serius daripada LKP I KKM yang memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuhan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. Dimaklumkan juga bahawa calon yang mempunyai rekod THB atau cuti rehat melebihi kelayakan tetapi belum diambil tindakan atau dijatuhkan hukuman tatatertib adalah layak dipertimbangkan pemangkuhan sekiranya memenuhi kelayakan dan syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 2. Walau bagaimanapun, **Ketua Jabatan bertanggungjawab** untuk memastikan **tindakan tatatertib dilaksanakan dengan segera** supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Pihak YBrs. Dr. dimohon untuk **menghebahkan** perkara ini kepada semua pegawai yang berkenaan dan memastikan **hanya permohonan daripada calon yang memenuhi syarat** sahaja dikemukakan ke Bahagian ini. Selain itu, semua maklumat yang dikemukakan hendaklah disemak dan disahkan tepat berdasarkan Buku Rekod Perkhidmatan pegawai yang terkini. **Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang lewat diterima atau tidak lengkap dengan dokumen yang diperlukan **tidak akan diproses**.

10. Kerjasama pihak YBrs. Dr. berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

LAMPIRAN A

SENARAI SEMAK (CHECKLIST) BAGI URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

ADA / TIADA

1. Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2023

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------



NPS(M)1/2015.2023

2. Borang PP-1

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

3. Salinan Buku Rekod Perkhidmatan yang telah dikemas kini dan lengkap

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

4. Salinan kelulusan tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

5. Salinan surat telah melaksana pengisytiharan harta (*5 tahun terkini*)

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

6. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT

(*Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan muka surat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja*)

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

LAMPIRAN B

**MAKLUMAT UNJURAN KEKOSONGAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N28
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Sehingga 31.07.2023)**

BIL.	ZON	KEKOSONGAN
1.	SARAWAK	1
JUMLAH		1

BORANG PP-1

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Bahagian Sumber Manusia,
Unit Naik Pangkat (Pelaksana),
Aras 9, Blok E7, Parcel E,
62590 W.P. PUTRAJAYA

**SURAT AKUAN
PINJAMAN PENDIDIKAN INSTITUSI / TABUNG PENDIDIKAN**

Saya..... No. K.P :.....
mengesahkan bahawa:

Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / tabung pendidikan;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh hingga sebanyak RM dan mulai tarikh hingga sebanyak RM Saya mengesahkan masih belum membuat bayaran;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh hingga sebanyak RM dan pada masa ini sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui pembayaran tunai / potongan gaji mulai

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh hingga sebanyak RM dan saya telahpun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4(f) dan Peraturan 4(g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....
Tandatangan Pegawai

Nama :

Jawatan :

Alamat Pejabat :

Tarikh :

LAMPIRAN 1

PENGESAHAN MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)
BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N26 KE GRED N28

BIL.	NAMA PEGAWAI	NO. KAD PENGENALAN	LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN		
		
1.					

Disediakan oleh :

.....
Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Disahkan oleh :

.....
Nama :

Jawatan :

Tarikh :